

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 12 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 8

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1541-L13256
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat usaha Kementerian dalam meningkatkan kawalan keselamatan, kerjasama dengan agensi penguatkuasaan antarabangsa dan pelaksanaan teknologi terkini bagi membanteras dan menangani isu pulau-pulau di Pantai Timur Sabah yang berpotensi menjadi pusat pemerdagangan dadah (*drug-trafficking*) yang semakin membimbangkan.

2. PN-1541-L13542
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah strategik yang diambil oleh Malaysia dalam memacu pertumbuhan ekonomi serantau sebagai Pengerusi ASEAN 2025, memandangkan unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN dijangka mencecah USD 4.5 trilion menjelang tahun 2030.

3. PN-1541-L13294
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah prestasi keuntungan dan kerugian syarikat milik agensi di bawah Kementerian bagi tahun kewangan 2024 serta strategi Kementerian mengenai prospek keuntungan atau kerugian bagi syarikat-syarikat milikan agensi pada tahun kewangan akan datang.

4. PN-1541-L13753

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah sebab utama rumah PR1MA sering mengalami masalah kualiti dengan kecacatan binaan yang serius, kelewatan pembinaan dan kegagalan pemaju dalam memperbaiki kerosakan walaupun aduan telah dikemukakan oleh pembeli; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab dan bagaimanakah keadilan dapat diberikan kepada pembeli yang terpaksa menanggung beban kewangan akibat kelemahan sistem pemantauan ini.

5. PN-1541-L13523

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memperbaiki kualiti pendidikan tinggi di Malaysia terutamanya dalam menyediakan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri.

6. PN-1541-L13870

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan jangka pendek Kementerian dalam menangani isu kepadatan murid antara 40 hingga ke 50 orang murid dalam satu kelas terutamanya di kawasan bandar dan apakah pelan jangka panjang Kementerian bagi menyeragamkan kesemua persekolahan menjadi satu sesi di seluruh negara.

7. PN-1541-L13329

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah persediaan Kementerian untuk melaksanakan sepenuhnya e-Invois di Sabah dan Sarawak yang mempunyai kekangan penembusan internet dan adakalanya menghadapi masalah bekalan elektrik.

8. PN-1541-L13181

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian bagi menggalakkan aktiviti pertanian terhadap 2,316 bersamaan 91.4% pertubuhan yang berpotensi seperti yang dilaporkan dalam Banci Pertanian 2024.

9. PN-1541-L13576
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah teknologi kecerdasan buatan (AI) dapat membantu mengatasi kekurangan tenaga buruh dalam sektor perladangan dan komoditi.
10. PN-1541-L13237
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengikut langkah Presiden Amerika Syarikat dalam dasar menghantar pulang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke negara asal sebagai dasar baru yang lebih keras bagi memastikan isu lambakan warga asing dalam negara dapat diselesaikan.
11. PN-1541-L13673
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) apakah kriteria lantikan dan KPI (sekiranya ada) ahli majlis yang dilantik agar benar-benar menjaga dan mengurus Kerajaan Tempatan; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan pemilihan dalam kalangan ahli majlis sekitar 30-50% daripada jumlah ahli majlis yang dilantik.
12. PN-1541-L13503
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini cadangan agar pihak bukan guru yang terlibat sebagai pengawas peperiksaan awam sebagai usaha mengurangkan beban dan tugas guru.
13. PN-1541-L13376
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah terdapat kursus atau latihan yang diberikan kepada petugas-petugas dalam Program Pemulihan Dalam Komuniti agar mereka mempunyai kemahiran tertentu untuk mengasuh serta mendidik anak-anak yang berkeperluan khas.

14. PN-1541-L13747
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggunakan antara muka pengaturcaraan aplikasi (API) dalam laman web badan berkanun seperti EPF, SOCSO dan PTPTN yang membolehkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mengintegrasikan perisian sedia ada mereka bagi membolehkan pertukaran data masa nyata justeru memperkemaskan operasi.
15. PN-1541-L13818
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk mengimbangkan *automation tax* bagi mengelakkan penggantian buruh pramatang tanpa menjejaskan daya saing modal serta memastikan model *labor complementarity policy* yang menyepadukan kecerdasan buatan (AI), insentif kemahiran dan sama ada gaji berdasarkan keanjalan pekerjaan sebenar akan dikaji semula atau dilanjutkan.
16. PN-1541-L13608
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah terdapat cadangan untuk memperkenalkan acara sukan baharu dalam Sukan SEA 2027, termasuk kemungkinan memasukkan permainan tradisional yang dapat memperkenalkan warisan Malaysia di peringkat serantau.
17. PN-1541-L13732
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh kasar di negara ini.
18. PN-1541-L13115
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan untuk membina 7 pos sempadan baharu di Sabah dan Sarawak dan menaik taraf pos sempadan sedia ada serta perolehan aset kelengkapan bagi anggota ATM memandangkan RM59.7 juta telah diluluskan pada tahun 2024.
19. PN-1541-L13132
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Akta OKU akan dibentangkan di Parlimen dan nyatakan punca kelewatan pembentangan Akta OKU.

20. PN-1541-L13222

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bilakah Kerajaan dijangka akan mengumumkan 85 peratus rakyat yang layak menerima subsidi RON95 berdasarkan kriteria kelayakan yang diisi dalam sistem PADU dan sejauh mana segala risiko dari segi operasi, penipuan data dan kos telah diambil kira agar pelaksanaan sistem subsidi ini dapat dilaksanakan segera.

21. PN-1541-L13709

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perincian usaha Kerajaan mengawal kenaikan harga barang keperluan selepas pelaksanaan kenaikan gaji RM1,700.00 dan kenaikan tarif elektrik terhadap industri besar.

22. PN-1541-L13344

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana penglibatan golongan muda dalam Skim Step Up Financing untuk sokongan pembiayaan rumah pertama.

23. PN-1541-L13878

Senator Prof. Emeritus Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan asas dan rasional bantuan kewangan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) yang menurut Buku Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Keempat) terbitan 2012 merupakan 'Institusi Pendidikan Persendirian yang tidak akur terhadap Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) dan Dasar Pendidikan Kebangsaan'.

24. PN-1541-L13620

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan fokus penawaran kursus-kursus dan reformasi kandungan kursus di peringkat diploma dan ijazah pertama di IPTA agar ia menepati kemahiran dan keupayaan graduan bekerja di sektor berkemahiran tinggi pada peringkat kebangsaan dan global.

25. PN-1541-L13728

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah perbezaan antara 'negara rakan kongsi' dalam BRICS dan 'anggota rasmi' bagi Malaysia daripada segi faedah dan keistimewaan; dan

- (b) apakah kriteria bagi Malaysia untuk dianggap sebagai 'anggota rasmi' BRICS.
26. PN-1541-L13556
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pandangan Kementerian mengenai kadar pelestarian plastik di Malaysia dan sejauh manakah Kementerian menilai kolaborasi strategik bersama pemegang taruh seperti PETRONAS, berupaya meningkatkan kelestarian penggunaan plastik dengan lebih baik pada masa akan datang.
27. PN-1541-L13415
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengutamakan *island platforms* berbanding *side platforms* dalam reka bentuk stesen-stesen Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) bagi memudahkan pergerakan dan meningkatkan keselesaan pengguna.
28. PN-1541-L13211
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan dan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani ancaman Non-Violent Extremism (NVE), khususnya melalui hantaran atau ucapan berunsur hasutan perkauman dan kebencian agama yang berpotensi mencetuskan tindakan keganasan atas nama agama dan kaum.
29. PN-1541-L13682
Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
(a) apakah indeks masalah obesiti kanak-kanak di Malaysia; dan
(b) apakah inisiatif khusus untuk menangani masalah obesiti kanak-kanak di Malaysia dan apakah sasaran asal untuk inisiatif tersebut serta status pencapaian.
30. PN-1541-L13846
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana Kerajaan akan menangani isu PETRONAS untuk mengecilkan saiz tenaga kerja seperti yang dilaporkan serta apakah bantuan atau pampasan yang akan disediakan kepada pekerja yang terjejas.

31. PN-1541-L13364

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan usaha pencegahan dadah dalam kalangan belia, dan apakah langkah-langkah pemulihan yang dilaksanakan bagi membantu belia yang telah terjerumus dalam ketagihan dadah.

32. PN-1541-L13797

Senator Dato' Sri Vell Paari a/ Tun Samy Vellu minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian diplomatik dan komitmen Kerajaan dalam menghadapi pemerintahan Presiden Amerika Syarikat yang baharu iaitu Donald Trump.

33. PN-1541-L13396

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah faktor utama yang menyebabkan gangguan komunikasi dan capaian internet di Sungai Asap, Belaga sentiasa berlaku dan apakah langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

34. PN-1541-L13266

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menggalakkan penggunaan kenderaan tenaga alternatif seperti hidrogen dan biodiesel di Malaysia dan apakah langkah Kementerian dalam memastikan industri pengangkutan menguruskan sisa seperti minyak pelincir terpakai secara mesra alam.

35. PN-1541-L13438

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah inisiatif oleh Kementerian bagi memastikan akses kepada pembelajaran digital ini diperluas ke kawasan luar bandar dan pedalaman terutamanya kepada pelajar yang berminat untuk menguasai teknologi kecerdasan buatan (AI) namun menghadapi cabaran daripada segi infrastruktur dan capaian internet.

36. PN-1541-L13319

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan semua sekolah mempunyai bilik darjah yang mencukupi bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat.

37. PN-1541-L13192
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-
- (a) jumlah jualan Rahmah yang telah dilakukan di setiap daerah di Sarawak; dan
 - (b) jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan dalam jualan Rahmah tersebut.
38. PN-1541-L13163
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi khusus Kementerian untuk mengurangkan jurang nisbah bagi pendapatan penengah, nisbah gaji dan upah penengah bulanan isi rumah antara kaum Bumiputera, Cina dan India.
39. PN-1541-L13309
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan melihat sebarang kemungkinan ancaman atau tindak balas terhadap negara menerusi sokongan yang berterusan diberikan oleh Malaysia terhadap Gaza.
40. PN-1541-L13783
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam membantu golongan berpendapatan rendah agar tidak terperangkap dalam kitaran hutang yang berterusan.
41. PN-1541-L13594
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini siasatan insiden tembakan di perairan Tanjung Rhu yang melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan warga Indonesia.
42. PN-1541-L13636
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pecahan pelajar berbangsa India yang mendapat keputusan 8A,9A dan 10A dalam peperiksaan SPM 2023.

43. PN-1541-L13858

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kerajaan sedar bahawa sebahagian besar pesara GLC (yang bersara ekoran daripada penswastaaan jabatan atau agensi kerajaan) seperti TNB, Telekom Malaysia, Pos Malaysia dan lain-lain lagi menerima pencen yang sangat rendah di bawah paras gaji minima negara; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula kadar pencen yang diterima oleh pesara-pesara GLC berkenaan.

44. PN-1541-L13669

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) status pencapaian terkini saringan kesihatan PEKA B40 mengikut negeri, jumlah perbelanjaan setakat ini dan impak terhadap beban penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia; dan
- (b) strategi untuk membetulkan keadaan ini memandangkan kadar saringan kebanyakan negeri masih di bawah 20%.

45. PN-1541-L13446

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana tahap kesiapsiagaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membanteras pendatang asing tanpa izin (PATI) daripada melakukan aktiviti perniagaan secara haram .

46. PN-1541-L13276

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah visi dan misi Kementerian untuk industri komoditi negara dalam 10 tahun akan datang dan rancangan Kementerian bagi memastikan industri komoditi terus relevan dalam era ekonomi digital dan hijau.

47. PN-1541-L13638

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan kepada universiti tempatan bagi meningkatkan penyelidikan dalam bidang teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui.

48. PN-1541-L13566
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menjalankan kajian bagi menyemak semula kadar elaun Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 iaitu RM8 sehari agar lebih setimpal dengan keperluan sebenar pelatih.
49. PN-1541-L13761
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam subjek Bahasa Melayu dan Sejarah dan apakah perubahan yang dibuat dalam sistem penilaian untuk memastikan pencapaian yang lebih baik dalam subjek-subjek teras ini.
50. PN-1541-L13838
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah status insiden tembakan di Setia Alam baru-baru ini dan langkah yang diambil untuk mengetatkan keselamatan di pusat beli-belah bagi mengelakkan kejadian sama berulang; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan mengeluarkan garis panduan kepada syarikat penyedia pengawal keselamatan untuk menangani situasi seperti ini.
51. PN-1541-L13172
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status semasa pembinaan Pusat Jantung Negara (PJN) Sabah dan jangkakan operasi akan bermula.
52. PN-1541-L13619
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif Kementerian bagi memastikan tambang pengangkutan awam terutamanya tambang kapal terbang kekal terkawal menjelang musim perayaan nanti.
53. PN-1541-L13429
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan tuntas pihak Kerajaan bagi memastikan tiada penyalahgunaan bagi pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) yang seolah-olah dilihat kebal daripada sebarang tindakan penguatkuasaan.

54. PN-1541-L13697

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah segera yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah kapasiti terhad tapak pelupusan sampah di Sabah dan bagaimanakah Kerajaan menguruskan masalah pembuangan sampah haram, terutamanya di kawasan bandar dan perkampungan atas air.

55. PN-1541-L13593

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana bantuan dan sokongan kewangan yang boleh disalurkan kepada Persatuan Sepaktakraw Malaysia melalui Majlis Sukan Negara agar program pembangunan sukan ini dapat diperkasakan di setiap kampung dan kawasan Parlimen seluruh negara.

56. PN-1541-L13152

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) mengapakah setiap tahun ada pelajar-pelajar cemerlang STPM yang mendapat A dalam semua mata pelajaran dengan CGPA 4.0 tetapi tidak ditawarkan kursus pilihan pertama mereka; dan
- (b) adakah Kementerian mengamalkan sistem kuota kemasukan dalam mana-mana kursus terutamanya kursus-kursus profesional yang membezakan pelajar-pelajar daripada aliran Matrikulasi dan aliran STPM.

57. PN-1541-L13412

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah garis masa yang spesifik bagi Kementerian untuk menjayakan pelaksanaan RUU Akta Sewaan Kediaman dan adakah Kerajaan bersedia mewujudkan tribunal khas yang menjadi mediator penyelesaian isu antara tuan rumah dan penyewa dalam RUU Sewaan Kediaman yang sedang dirangka.

58. PN-1541-L13488

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk membawa pulang rakyat Malaysia yang terperangkap di Segi Tiga Emas iaitu Thailand, Laos dan Myanmar akibat penipuan oleh sindiket pengambilan warga asing dan berapakah jumlah mereka yang telah berjaya diselamatkan setakat ini serta apakah langkah Kerajaan bagi mengelakkan rakyat Malaysia dari terus tertipu dengan sindiket ini.

59. PN-1541-L13806

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah peluang pekerjaan yang dijangka akan diwujudkan melalui Pelaburan Langsung Asing dalam sektor pusat data bagi tempoh lima tahun akan datang.

60. PN-1541-L13201

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) maklumat terkini tentang kemajuan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar termasuk tanah-tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang terjejas oleh projek tersebut; dan
- (b) bilakah jangkakan pengeluaran hasil padi daripada projek ini dan berapakah peratus sasaran pengeluaran projek ini daripada hasil pengeluaran padi negara.

61. PN-1541-L13527

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi memastikan pelajar sekolah terus memberi tumpuan kepada pelajaran lantaran pemansuhan peperiksaan utama di sekolah rendah dan menengah dan adakah sistem dan kriteria yang dilaksanakan sekarang ini berkesan dalam menentukan pelajar yang layak untuk memasuki institusi pengajian tinggi.

62. PN-1541-L13512

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sokongan dan usaha pihak Kementerian bagi membantu Kerajaan Negeri Kedah bagi menjayakan Tahun Melawat Kedah 2025.

63. PN-1541-L13466

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peranan dan impak yang dilakukan oleh *Government-Linked Investment Companies* (GLIC) dalam memperkasakan aspek permodalan Malaysia di peringkat nasional dan antarabangsa.

64. PN-1541-L13286

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jenis operasi yang dijalankan oleh pasukan penguatkuasa di bawah Op Selamat untuk mengurangkan risiko kemalangan jalan raya dan jenayah seperti samun atau kecurian semasa musim perayaan serta statistik terkini kadar kemalangan jalan raya dan jenayah yang berlaku semasa perayaan.

65. PN-1541-L13787

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kerajaan dalam menangani isu kekurangan beras putih tempatan kerana beras putih import lebih banyak di pasaran.

66. PN-1541-L13811

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan dapat memastikan bahawa dasar fiskal dan kewangan sedia ada cukup untuk melindungi rakyat daripada kenaikan harga barang dengan rasionalisasi subsidi dan kenaikan gaji minima yang bakal dilaksanakan berikutan rakyat terus berhadapan dengan nilai ringgit yang lemah, pelaburan asing masih tidak mencukupi dan ketidaktentuan ekonomi global.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah**

(11 Mac 2025)

- | | | |
|----|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R.63/2024) Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|---|-------------------------------|

[Menteri Komunikasi]

- | | | |
|----|---|-------------------------------|
| 3. | (D.R.62/2024) Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|---|-------------------------------|

[Menteri Komunikasi]

- | | | |
|----|---|-------------------------------|
| 4. | (D.R.1/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2025 | Bacaan Kali Yang Kedua |
|----|---|-------------------------------|

[Menteri Perpaduan Negara]

5. (D.R.5/2025) Rang Undang-undang Perlembagaan **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025

[Perdana Menteri]

6. (D.R.4/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Parlimen 2025

[Perdana Menteri]

7. (D.R.3/2025) Rang Undang-undang Perbekalan **Bacaan Kali Yang Kedua**
Tambahhan (2024) 2025

[Menteri Kewangan]

8. (D.R.8/2025) Rang Undang-undang Kumpulan Wang **Bacaan Kali Yang Kedua**
Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025

[Menteri Kewangan]

9. (D.R.2/2025) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba **Bacaan Kali Yang Kedua**
(Pindaan) 2025

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

10. (D.R.10/2025) Rang Undang-undang Pemerangkapan, **Bacaan Kali Yang Kedua**
Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025

[Menteri Ekonomi]

11. (D.R. 9/2025) Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan
Perkhidmatan Kerajaan 2025

**Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Perdana Menteri]